Borneo International Journal eISSN 2636-9826; Vol.9 (3); 2026; 66-77
Published by *Majmuah Enterprise*
www.majmuah.com

Rekonstruksi Historiografi Kesultanan Sambas: Analisis Kritis terhadap Manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II

ABDUL RAZAK ABDUL KADIR[1, a I]

[1] Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia
[a]abdurak1@uitm.edu.my
i Corresponding Author

Received: September 28, 2026
Accepted: October 27, 2026
Online Published: November 05, 2026

Abstrak
Penulisan sejarah Kesultanan Sambas selama ini banyak bergantung pada sumber kolonial Belanda, catatan pentadbiran dan sumber tempatanl yang mempunyai perspektif naratif tersendiri. Keadaan ini menimbulkan keperluan untuk menilai semula sumber sejarah tempatan, khususnya manuskrip yang dihasilkan dalam lingkungan istana. Justeru itu, perlu melihat dan menggunakan sumber tempatan bagi pembentukan historiografi tempatan. Penulis memfokuskan Manuskrip Salsilah Sultan Muhammad Shafiuddin II. Persoalan kajian penulisan ini ialah; Apakah struktur kandungan dan ciri historiografi yang terdapat dalam manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II yang ditulis tahun 1903? dan bagaimanakah manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II dapat menyumbang kepada rekonstruksi historiografi Kesultanan Sambas?Objektif kajian ini ialah menganalisis struktur kandungan dan ciri historiografi yang terkandung dalam manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II dan menilai sumbangan manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II terhadap rekonstruksi historiografi Kesultanan Sambas melalui interpretasi kritis, pengesahan sumber dan pembinaan semula naratif sejarah kesultanan. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif (model Kuntowijoyo) melalui analisis sumber, kritikan sumber, analisis kandungan, perbandingan dan triangulasi bagi menilai manuskrip serta merekonstruksi historiografi Kesultanan Sambas. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II merupakan sumber sejarah yang mempunyai nilai historiografi dalam memahami perkembangan Kesultanan Sambas. Kajian terhadap struktur kandungannya memberikan tumpuan kepada susunan naratif, tema sejarah, kronologi pemerintahan, tokoh-tokoh yang diketengahkan serta peristiwa yang membentuk perjalanan sejarah kesultanan. Dapatan kajian bagi objektif kedua memberikan tumpuan kepada keupayaan manuskrip dalam memperluas pemahaman sejarah Kesultanan Sambas melalui kajian kritis terhadap kandungan dan naratif yang dikemukakan. Manuskrip ini berpotensi menyumbang kepada rekonstruksi historiografi dengan menyediakan perspektif sejarah yang dapat dibandingkan dengan sumber-sumber lain.
Kata Kunci: Kritik, Manuskrip, Sambas, Sejarah, Sultan Muhammad Shafiuddin II.

1.Pengenalan

Wilayah Borneo atau lebih spesifik Kalimantan Barat mempunyai kepentingan yang besar dalam usaha memperkukuh historiografi Nusantara (Baihaqi, Bryna, Ramadhan, & Panditra, 2025; Kratz, 1980, 2000). Manuskrip Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai khazanah dokumentasi sejarah, malah merupakan sumber primer yang merakamkan pemikiran politik, legitimasi kekuasaan, sistem pemerintahan, jaringan kekerabatan serta dinamika sosial dan budaya masyarakat tempatan. Walau bagaimanapun, penulisan historiografi kolonial abad ke-19, khususnya yang dihasilkan oleh sarjana Belanda, memperlihatkan kecenderungan untuk menafsirkan sejarah kerajaan-kerajaan peribumi di Borneo Barat berdasarkan perspektif kolonial yang lebih menumpukan persoalan pertikaian wilayah, kepentingan laluan perdagangan dan aktiviti perlanunan maritim (Baihaqi et al., 2025; Erwin, 2018, 2026; Veth, 1854). Kecenderungan tersebut telah menyebabkan dimensi sejarah yang bersumberkan tradisi intelektual dan pengalaman politik masyarakat tempatan kurang diberikan perhatian yang sewajarnya. Implikasinya, naratif dalaman mengenai konsep kedaulatan (*daulat*), legitimasi pemerintahan, falsafah politik tempatan serta struktur genealogi dan kekerabatan institusi kesultanan tidak sepenuhnya terungkap dalam wacana historiografi sedia ada (Ardhana & Puspitasari, 2024; Arrai, Karel, & Teguh, 2026; Fauzan, 2020). Sehubungan itu, kajian semula terhadap manuskrip Melayu menjadi penting bagi menilai secara kritis representasi sejarah kolonial, di samping mengangkat perspektif tempatan sebagai asas rekonstruksi sejarah politik dan pemerintahan kerajaan-kerajaan Melayu di Borneo Barat. Teks manuskrip tempatan memainkan fungsi penting sebagai sumber primer yang memelihara memori kolektif dan struktur kekuasaan istana dan pendidikan bagi golongan bangsawan dan rakyat (Iskandar & Hasan, 2023; Saludin, Md Deli, Abdul Ghafar, & Hashim, 2025). Kesultanan Sambas, yang diasaskan pada abad ke-17 di persimpangan strategik Sungai Sambas, memiliki kekayaan tradisi manuskrip bertulis Jawi yang merakamkan susur galur rajanya(Erwin, 2026; Yusuf, Bujang, Abdul Kadir, Hamrie, & Wan Yon, 2023). Antara korpus terpenting yang terselamat ialah manuskrip Salasilah Sambas yang disalin dan dimeterai sendiri oleh pemerintah

yang sedang bertakhta, Seri Paduka Sultan Muhammad Shafiuddin II (memerintah 1866–1924 M), pada tahun 1321 H / 1903 M(Barkat, 1903). Teks ini mempunyai nilai keunikan yang tinggi berbanding manuskrip Melayu tradisional yang lain. Manuskrip ini bukan disalin oleh jurutulis istana biasa, sebaliknya disalin dan disahkan secara peribadi oleh seorang sultan pada halaman kedua manuskrip tersebut. Meskipun pelbagai polemik antara manuskrip barat yang memposisikan historiografi kesultanan Sambas dengan sentimen barat seperti perlanunan, perompakan, perhambaan dan sebagai tetapi perlu diingatkan justeru manuskrip tempatan mempunyai keistimewaannya sendiri yang melihatnya sebagai manifestasi kedaulatan politik kesultanan secara dalaman yang tidak mungkin disebut oleh manuskrip barat seperti kolonial Belanda (Bagaskara, 2024; Baihaqi et al., 2025; Ismanudin & Zaironi, 2026; Yazit, 2026). Secara objektifnya manuskrip dalam istana lebih cenderung bersifat selektif kerana digubal sebagai instrumen legitimasi kekuasaan dan hegemoni politik-keagamaan golongan elit kesultanan(Fahmi, 2025). Cabaran ini diburukkan lagi oleh jurang masa penyalinan manuskrip fizikal yang terselamat merupakan salinan abad ke-19 dan awal abad ke-20 ke atas peristiwa abad ke-17. Oleh yang demikian perlu dikaji secara komprehensif supaya tidak kecelaruan dan manipulasi data kerana jarak tahun yang jauh(Gallop, 2019). Maka kajian ini secara kritis menggunakan manuskrip Istana Sambas yang ditulis oleh sultan sendiri untuk diketengah historiografi kesultanan Sambas yang dikukuhkan dengan penulisan kontemporari merujuk kepada pengkaji sejarah khususnya sejarah kegemilangan kesultanan Sambas dan hubungannya dengan wilayah Nusantara.

2. Kajian Literatur

Beberapa artikel terkini mengkaji beberapa aspek secara langsung dan tidak langsung dalam membahas tentang Kesultanan Sambas dan sekitarnya. Kajian menarik yang dikaryakan oleh Arrai et al. (2026) memperincikan peranan kepimpinan Sultan Muhammad Tsafiuddin II (1866–1922) yang menggerakkan transformasi sosio-intelektual Kesultanan Sambas melalui pemodenan institusi pendidikan Islam dan pengukuhan legitimasi dinasti. Ia berlatarbelakang tradisi keilmuan istana yang mantap, baginda merintis dasar pendidikan terancang menerusi pengasasan madrasah formal serta pembaharuan kurikulum yang menyepadukan disiplin ilmu naqli dan kemahiran semasa. Pada masa yang sama, baginda memperkukuh daulat kesultanan yang ditekan oleh campur tangan birokrasi kolonial Belanda melalui pengkanunan salasilah rasmi raja-raja Sambas. Usaha pendokumentasian genealogi ini bukan sahaja memelihara memori sejarah istana, malah bertindak sebagai instrumen perundangan politik bagi mempertahankan kedaulatan takhta di pesisir barat Borneo. Kajian historiografi oleh Nuraidi, Firmansyah, and Rikaz (2026) memperincikan dinamika sosiopolitik Kesultanan Sambas di bawah pemerintahan Sultan Muhammad Ali Tsafiuddin (1815–1828) yang berdepan dengan krisis kedaulatan meruncing akibat pengembalian hegemoni kolonial Belanda pasca 1816 dan pergolakan kongsi gelap perlombongan Cina. Campur tangan pentadbiran Hindia Timur Belanda menerusi pemusatan birokrasi dan perjanjian politik mengekang kuasa fiskal serta kawalan maritim kesultanan. Pada masa yang sama, percambahan pengaruh kongsi gelap emas Cina terutamanya perseteruan bersenjata antara Persekutuan Thaikong dan Lanfan bukan sahaja mencabar autoriti perundangan Istana, malah merampas kawalan langsung hasil bumi dan mencetuskan ketegangan dengan masyarakat peribumi. Situasi ini memaksa pihak kesultanan mengimbangi diplomasi rapuh antara kepatuhan formal kepada kuasa kolonial dan tuntutan mempertahankan kedaulatan tradisional ke atas wilayah pedalaman.

Kajian yang disorot oleh Atika and Sunandar (2025)menganalisis ekspedisi ketenteraan Belanda di Sambas antara tahun 1851 hingga 1856 menerusi operasi kapal wap *ZM Stoomschip Borneo*. Penyelidikan ini memperincikan kedudukan strategik Kesultanan Sambas sebagai sebuah kuasa maritim yang terpaksa bersekutu dengan pihak kolonial Belanda demi menumpaskan pemberontakan bersenjata kongsi gelap perlombongan Cina. Walaupun pakatan ketenteraan tersebut berjaya meredakan ancaman keselamatan wilayah, kebergantungan terhadap armada Belanda mempercepat hakisan autonomi tradisional istana. Keadaan ini mencetuskan impak sosiopolitik dan ekonomi yang mendalam, apabila pihak kolonial mula mencengkam penguasaan fiskal, mengawal laluan maritim strategik, serta melemahkan kedaulatan mutlak Kesultanan Sambas di pesisir barat Borneo secara beransur-ansur. Kajian Posha (2025) menganalisis pelembagaan autoriti keagamaan luar bandar di Kesultanan Sambas sepanjang fasa akhir pemerintahan tradisional (1913–1943 M) menerusi institusi Labai (sama maksud dengan lebai di Malaysia. dialek Melayu Sambas atau pesisir Borneo sering disebut dan dieja secara fonetik tempatan sebagai labai). Labai bertindak sebagai aparat keagamaan peringkat desa. Labai menggalas dwifungsi strategik: mengendalikan pelaksanaan ibadat serta hal ehwal kekeluargaan Islam, di samping berfungsi sebagai perantara autoriti (*cultural broker*) antara birokrasi istana kesultanan dengan komuniti setempat. Walaupun berdepan dengan pemodenan pentadbiran dan tekanan hegemoni kolonial Belanda yang menyempitkan autonomi tradisional, kedudukan Labai kekal signifikan sebagai tonggak pemeliharaan ortodoks Islam serta benteng kestabilan sosioagama masyarakat Melayu pedalaman sebelum berakhirnya era kesultanan. Kajian terhadap teks historiografi Melayu yang ditulis oleh Alezender (2026) melalui kajian manuskrip *Syair Perang Cina di Monterado* membuktikan bahawa pertembungan bersenjata di Kalimantan Barat pada abad ke-18 hingga ke-19 melangkaui dimensi perebutan sumber mineral emas semata-mata. Menerusi lensa etnosentrisme, tercetusnya Perang Monterado berakar umbi daripada perjuangan mempertahankan maruah dan kedaulatan wilayah daripada siri pencerobohan serta penindasan kongsi gelap perlombongan Cina. Perikatan ketenteraan antara Kesultanan Sambas dan Mempawah dimanifestasikan sebagai doktrin *jihad qital* (perjuangan bersenjata defensif). Perang ini memperlihatkan iltizam kolektif kerajaan Islam

tempatan dalam menentang kezaliman, sekali gus bertindak sebagai instrumen sah bagi mempertahankan kedaulatan politik dan kelangsungan hidup masyarakat peribumi di pesisir barat Borneo.

3. Definisi dan Skop Kajian

3.1 Definisi

Kajian ini menggunakan tiga konsep utama, iaitu rekonstruksi historiografi, manuskrip sejarah dan kritikan sumber dalam konteks penulisan sejarah Kesultanan Sambas. Rekonstruksi historiografi merujuk kepada proses menilai, menyusun semula dan mentafsir naratif sejarah berdasarkan penelitian kritis terhadap sumber-sumber sejarah yang tersedia(MUID & Thoriq, 2025; Wasino & Endah Sri, 2018; Yazit, 2026). Proses ini bukan sekadar membina semula kronologi peristiwa masa lampau, tetapi turut menilai perspektif pengarang, latar penghasilan sumber, kecenderungan naratif serta hubungan antara fakta sejarah dengan konteks politik, sosial dan intelektual pada zamannya. Dalam kajian ini, rekonstruksi historiografi digunakan sebagai pendekatan untuk memperluas pemahaman tentang sejarah Kesultanan Sambas melalui penelitian manuskrip yang dihasilkan dalam lingkungan istana. Manuskrip sejarah pula ditakrifkan sebagai dokumen bertulis yang mengandungi rakaman pemikiran, peristiwa, salasilah, sistem pemerintahan dan pengalaman masyarakat pada zaman tertentu(Diponogoro, 2017; Gusmian, 2019; Ismanudin & Zaironi, 2026). Dalam tradisi persuratan Melayu, manuskrip tidak hanya berfungsi sebagai medium penyimpanan maklumat, malah menjadi wahana pembentukan memori kolektif, legitimasi politik dan pewarisan pengetahuan antara generasi. Oleh itu, manuskrip Salasilah Sultan Muhammad Shafiuddin II yang ditulis pada tahun 1321 H bersamaan 1903 M diberikan kedudukan sebagai sumber primer utama dalam kajian ini. Keistimewaan manuskrip tersebut terletak pada penglibatan Sultan Muhammad Shafiuddin II sendiri dalam penyalinan dan pengesahan teks, sekali gus memberikan ruang penelitian terhadap hubungan antara penghasilan teks sejarah dengan autoriti pemerintahan kesultanan.

Seterusnya, kritikan sumber merujuk kepada proses penilaian terhadap kesahihan, keaslian, kandungan dan kebolehpercayaan sesuatu sumber sejarah(Fahmi, 2022; Primer, 2024). Pendekatan ini melibatkan kritikan luaran (*external criticism*) untuk meneliti aspek fizikal manuskrip, identiti pengarang atau penyalin, tarikh penghasilan, bahasa, tulisan dan ciri dokumentasinya(Putri, Nurjihan, Tarigan, & Febriana, 2024; Santoso, 2024). Kritikan dalaman (internal criticism) pula menumpukan penelitian terhadap kandungan, konsistensi naratif, kronologi, representasi tokoh, kecenderungan pengarang serta kesesuaian maklumat dengan sumber sejarah yang lain(Hamzah & Nisa, 2023; Riza & Fauziyah, 2025). Kedua-dua pendekatan ini penting bagi mengelakkan penerimaan kandungan manuskrip secara literal tanpa mempertimbangkan konteks penghasilannya. Berdasarkan ketiga-tiga konsep tersebut, kajian ini meletakkan manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II bukan sekadar sebagai dokumen salasilah diraja, tetapi sebagai teks historiografi yang perlu dianalisis dari sudut kandungan, perspektif pengarang dan nilai kesaksiannya dalam memahami sejarah politik Kesultanan Sambas.

3.2 Skop Kajian

Skop kajian ini dibahagikan kepada tiga aspek utama, iaitu skop sumber, skop temporal dan skop analisis. Pertama, skop sumber. Kajian ini memberikan tumpuan khusus kepada manuskrip Salasilah Sultan Muhammad Shafiuddin II yang dihasilkan pada tahun 1321 H / 1903 M sebagai sumber primer utama. Penelitian terhadap manuskrip ini meliputi struktur kandungan, susunan salasilah, kronologi pemerintahan, hubungan kekeluargaan diraja, tokoh-tokoh yang diketengahkan serta peristiwa sejarah yang direkodkan. Bagi memperkukuh interpretasi, manuskrip tersebut turut dibandingkan dengan sumber sekunder, khususnya karya historiografi kolonial Belanda, penulisan sejarah tempatan dan kajian kontemporari berkaitan Kesultanan Sambas. Perbandingan ini bertujuan mengenal pasti persamaan, perbezaan dan kemungkinan jurang maklumat antara naratif istana dengan penulisan sejarah yang dihasilkan oleh pihak luar.

Kedua, skop temporal. Kajian ini memberikan perhatian kepada dua lingkungan masa yang saling berkaitan. Lingkungan pertama ialah tempoh sejarah Kesultanan Sambas yang direkodkan dalam manuskrip, khususnya berkaitan asal usul pemerintahan, perkembangan institusi kesultanan, susur galur pemerintah dan kesinambungan kekuasaan diraja. Lingkungan kedua ialah konteks penghasilan manuskrip pada tahun 1903, iaitu ketika Sultan Muhammad Shafiuddin II sedang memerintah Kesultanan Sambas (1866–1924). Penetapan kedua-dua lingkungan masa ini penting kerana manuskrip yang dihasilkan pada awal abad ke-20 turut merekodkan peristiwa dan tradisi pemerintahan daripada abad-abad sebelumnya. Justeru, jarak temporal antara peristiwa dengan penghasilan teks perlu diberikan perhatian dalam menilai ketepatan kronologi dan kebolehpercayaan maklumat sejarah.

Ketiga, skop analisis. Kajian ini memfokuskan dua dimensi utama. Dimensi pertama ialah analisis struktur kandungan dan ciri historiografi manuskrip, yang merangkumi bentuk penyusunan naratif, tema sejarah, kronologi pemerintahan, representasi tokoh dan hubungan genealogi dalam institusi kesultanan. Dimensi kedua ialah penilaian sumbangan manuskrip terhadap rekonstruksi historiografi Kesultanan Sambas melalui kritikan sumber, perbandingan naratif dan triangulasi dengan sumber sejarah lain. Analisis ini turut memberikan perhatian kepada kecenderungan manuskrip istana

dalam menggambarkan legitimasi kekuasaan, kesinambungan pemerintahan dan kedudukan institusi kesultanan dalam tradisi politik Melayu. Secara keseluruhannya, kajian ini tidak bertujuan menerima keseluruhan naratif manuskrip sebagai fakta sejarah yang muktamad atau menolak sepenuhnya penulisan kolonial Belanda. Sebaliknya, penelitian dilaksanakan melalui pendekatan kritis dan perbandingan sumber bagi meletakkan manuskrip tempatan sebagai asas penting dalam memperluas perspektif historiografi Kesultanan Sambas. Pendekatan ini membolehkan sejarah kesultanan ditafsirkan secara lebih seimbang dengan mengambil kira perspektif dalaman istana, sumber kolonial dan hasil penyelidikan sejarah kontemporari.

4. **Persoalan Kajian**
Persoalan kajian yang diangkat dalam penulisan ini ialah:
4.1 Apakah struktur kandungan dan ciri historiografi yang terdapat dalam manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II?;dan
4.2 Bagaimanakah manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II dapat menyumbang kepada rekonstruksi historiografi Kesultanan Sambas?

5. Kepentingan Kajian
Kepentingan penulisan ini mengetengahkan beberapa hal penting iaitU:
5.1 menganalisis struktur kandungan dan ciri historiografi yang terkandung dalam manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II; dan
5.2 menilai sumbangan manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II terhadap rekonstruksi historiografi Kesultanan Sambas melalui interpretasi kritis, pengesahan sumber dan pembinaan semula naratif sejarah kesultanan.

6. Metodologi
Kajian ini merupakan kajian kualitatif kesejarahan yang menggunakan pendekataan Kuntowijoyo (1995) dan Louis Gottschalk (1975). Metodologi kesejarahan ini mempunyai empat tahapan iaitu heuristik, kritik sumber, interpretasi dan historiografi. Tahapan pertama ialah heuristik yang terkait dengan mengumpulkan bahan manuskrip sejarah sebagai sumber primer dan artikel-artikel yang bersangkutan sebagai sumber sekunder(Istiqomah et al., 2022; Sayono, 2021; Sidik & Sulistyana, 2021). Menurut Sayono (2021) tahap heuristik dalam penyelidikan sejarah merangkumi tiga proses utama, iaitu penerokaan, pengenalpastian dan pengklasifikasian sumber. Penerokaan merujuk kepada usaha mencari dan menelusuri sumber-sumber yang mengandungi maklumat berkaitan dengan peristiwa atau fenomena sejarah yang dikaji. Dalam proses ini, sejarawan boleh menggunakan pendekatan 5W1H yang merangkumi enam persoalan asas, iaitu apa (*what*), di mana (*where*), bila (*when*), siapa (*who*), mengapa (*why*) dan bagaimana (*how*). Pengenalpastian pula merujuk kepada proses mengenali, meneliti dan menilai sumber-sumber sejarah yang telah ditemukan bagi menentukan kerelevanan, kesahihan serta kepentingannya terhadap fokus dan objektif penyelidikan. Dalam kajian ini penulis menggunakan bahan manuskrip sebagai sumber primer yang dikaryakan sendiri oleh Barkat (1903) iaitu Sultan Mohammad Shafiuddin II. Manuskrip sokongan sumber primer ialah karya Kamaruddin (1853) yang merupakan Khatib kepada Sultan Sambas yang memerintah. Manuskrip ini lebih awal ditulis iaitu sekitar 50 tahun. Namun demikian ada sedikit perbezaan fakta yang tertulis dalam manuskrip ini yang menimbul polemik antara kedua-dua manuskrip ini. Boleh lihat dalam tulisan penulis berkaitan perkara tersebut (Kadir, Bujang, & Yusof, 2025). Kemudian untuk analisa triangulasi penulis menggunakan beberapa artikel jurnal dan buku sebagai sumber sekunder seperti (Anam, Tanrere, & Nawawi, 2022; Gallop, 2019; Jaelani, 2014; Kratz, 1980; Parwanto, 2022; Posha, 2025; Ridwan & Ikhwan, 2021; Sambas, 1995; Siregar, 2013; Sunandar, 2015; Syahrani & Mansur, 2014; Yusriadi, 2015) Semua sumber ini menyokong untuk tujuan analisa triangulasi bagi sumber primer.

Tahap kedua melibatkan proses kritikan sumber, iaitu penilaian secara kritis terhadap manuskrip melalui dua pendekatan utama, iaitu kritikan luaran dan kritikan dalaman. Kritikan luaran memberikan tumpuan kepada penelitian aspek fizikal dokumen sejarah, termasuk jenis kertas, dakwat dan ciri-ciri material lain yang berkaitan dengan sumber tersebut. Sementara itu, kritikan dalaman pula menumpukan kepada penilaian kandungan sumber, khususnya dari aspek konsistensi dan kebolehpercayaan fakta sejarah serta pengenalpastian maklumat yang berpotensi menimbulkan keraguan. Menurut M. Dien Madjid (2014), kritikan sumber bertujuan memastikan keaslian (*authenticity*) dan kredibiliti (*credibility*) teks serta sumber sejarah yang digunakan dalam penyelidikan. Setiap sumber diteliti secara sistematik melalui perbandingan dengan bukti-bukti lain yang tersedia bagi menilai keaslian, kesahihan dan kerelevanannya terhadap peristiwa sejarah yang dikaji(Ardhana & Puspitasari, 2024; Fahmi, 2022; Riza & Fauziyah, 2025).

Tahap ketiga ialah interpretasi sejarah, iaitu proses menganalisis fakta sejarah dan bukti-bukti yang tersedia bagi menghasilkan pemahaman yang bermakna serta tepat terhadap sesuatu peristiwa masa lampau. Salah satu pendekatan interpretasi yang digunakan dalam penyelidikan sejarah ialah kaedah hermeneutik. Menurut Sidik and Sulistyana (2021), hermeneutik merupakan suatu usaha untuk memahami makna yang terkandung dalam pelbagai bentuk ekspresi, termasuk

teks dan pernyataan. Dalam bidang pensejarahan, hermeneutik berfungsi sebagai kaedah untuk mentafsir teks sejarah bagi memperoleh pemahaman yang lebih mendalam terhadap kandungan, konteks dan maksud yang terkandung dalam sesuatu sumber. Proses pentafsiran ini turut memerlukan penelitian secara falsafah dan teoritis yang menyumbang kepada pembentukan kerangka disiplin ilmu yang sistematik dalam memahami sumber-sumber sejarah. Analisis sejarah dalam kajian ini secara dominannya menggunakan pendekatan deduktif, iaitu dengan meneliti dan mensintesiskan himpunan data serta pernyataan sejarah bagi menghasilkan rumusan dan kesimpulan sejarah yang baharu. Data yang diperolehi daripada manuskrip mahupun jurnal dan buku dibuat triangulasi dan diolah sebagai fakta yang kukuh menurut naraca akademik. Menurut Agustian, Wibowo, and Utama (2021)), tahap terakhir dalam penyelidikan sejarah ialah historiografi, iaitu proses penulisan sejarah yang berasaskan fakta-fakta sejarah yang mempunyai hubungan dan perkaitan antara satu sama lain. Penulisan historiografi sememangnya melibatkan proses interpretasi hasil triangulasi yang berperanan membina semula serta menghidupkan kembali bukti-bukti sejarah yang bersifat terpisah dan tidak lengkap. Sesuatu naratif sejarah akan menjadi lebih bermakna, tersusun dan koheren apabila dihuraikan dengan mengambil kira perspektif falsafah serta kerangka teori sejarah yang bersesuaian(Alit, 2026; Ardhana & Puspitasari, 2024; Sa'adillah & Syauqi, 2023). Dalam kajian ini, analisis sejarah dilaksanakan bagi menghasilkan pemahaman baharu dengan terbentuk historiografi Kesultanan Sambas terutama di zaman Sultan Muhammad Shafiuddin II.

7. Dapatan

7.1 Historiografi Kesultanan Sambas: Perkembangan, Tradisi dan Permasalahan Sumber

Perkembangan penulisan sejarah Kesultanan Sambas memperlihatkan transformasi daripada dokumentasi salasilah istana tradisional kepada wacana sejarah kritis yang mengkaji dinamik politik maritim dan gabungan rentas wilayah. Pada peringkat awal, historiografi Sambas didominasi oleh pencatatan susur galur raja-raja yang berakar umbi daripada pengembaraan Raja Tengah dari Brunei serta perikatan dinastik dengan Sukadana dan Kota Lama (Barkat, 1903; Basioeni, 1940; Kamaruddin, 1853; Tajuddin, 1905). Walau bagaimanapun, perkembangan penyelidikan moden mula meneliti interaksi kompleks kesultanan dengan kuasa luar antara Sambas dan Brunei, Sukadana dan Mempawah, peranan diaspora Bugis dalam struktur pentadbiran eksekutif seperti jawatan Pangeran Mangkubumi, pertembungan geopolitik menentang kongsi perlombongan Cina serta pelembagaan autoriti keagamaan di peringkat desa menerusi institusi Labai (Abdul Kadir, 2022; Nuraidi et al., 2026; Posha, 2025). Penulisan mutakhir ini membuktikan bahawa evolusi historiografi Sambas telah beralih daripada sekadar merakamkan kronologi pertabalan kepada analisis struktural mengenai daya tahan politik dan transformasi sosiobudaya masyarakat pesisir Borneo Barat. Tradisi pensejarahan istana dalam masyarakat Melayu-Borneo meletakkan teks silsilah bukan sekadar sebagai catatan peristiwa, sebaliknya sebagai dokumen perundangan dan piagam legitimasi kedaulatan (*royal charter*). Sebagaimana yang terpapar dalam manuskrip *Salasilah Sambas*, pensejarahan istana berfungsi mengabsahkan daulat raja melalui penyambungan jurai keturunan suci kepada tokoh agung dan institusi Islam, termasuk keturunan Ahlulbait melalui jurai Sultan Berkat (Syarif Ali) dari Taif serta pusaka nobat negara(Abbas, Undated; Sambas, Undated; Tajuddin, 1905). Di samping mengukuhkan keabsahan nasab, tradisi naskhah istana berperanan mendokumentasikan etika kepimpinan dan kontrak sosial Melayu tradisional, seperti yang dizahirkan melalui penyerahan peralatan dan simbol pertahanan oleh Ratu Sepudak serta ritual sumpah setia meminum air basuhan keris pusaka oleh para pembesar tempatan (Petinggi Nagur, Bintilan, dan Segarundi). Penulisan istana dengan itu beroperasi sebagai mekanisme memelihara memori kolektif dan hegemoni keagamaan kesultanan merentasi generasi(Barkat, 1903).

Sumber kolonial Belanda dan perspektif penulisan sejarah Kesultanan Sambas pula membentuk satu lagi lapisan historiografi yang sarat dengan kacamata Eropah (*Eurocentric bias*). Laporan pentadbiran kolonial Belanda (*Borneo's Wester-Afdeeling*) dan arkib ketenteraan abad ke-19 cenderung membingkai dinamika perairan Kalimantan Barat menerusi wacana keselamatan, di mana aktiviti maritim tempatan dan perikatan strategik kesultanan dengan kuasa maritim peribumi diklasifikasikan secara simplistik sebagai ancaman perlanunan (Ali, 2026; Baihaqi et al., 2025). Penyelidikan terkini mendedahkan bahawa tindakan tersebut sebenarnya merupakan strategi politik dan diplomasi pertahanan kesultanan dalam mengekang peluasan kuasa hegemoni Belanda pasca-1816 serta persaingan mengawal laluan niaga serantau. Penggunaan sumber kolonial semata-mata tanpa imbangan rekod tempatan berisiko meminggirkan rasional geopolitik kesultanan, terutamanya ketika menghadapi dilema ketenteraan semasa ekspedisi kapal wap *ZM Stoomschip Borneo* dan pergolakan kongsi perlombongan Monterado(Atika & Sunandar, 2025). Keterbatasan sumber sejarah dalam merekonstruksi peristiwa pemerintahan kesultanan kekal menjadi cabaran metodologi yang rencam akibat jurang masa (*temporal gap*), kerosakan fizikal naskhah, dan percanggahan data onomastik. Kebanyakan manuskrip silsilah Sambas yang terselamat merupakan salinan abad ke-19 seperti Kamaruddin (1853) dan awal abad ke-20 seperti manuskrip yang dikaji sekarang iaitu Barkat (1903), sedangkan peristiwa yang direkonstruksi berakar dari abad ke-17 iaitu perjalanan pengembaraan Sultan Tengah. Selain itu, keterbatasan rekod bertulis mengenai suara rakyat pedalaman dan komuniti bukan elit menyebabkan rekonstruksi sejarah sering tertumpu kepada persekitaran istana, sekali gus memerlukan kaedah sejarah lisan, kajian toponimi, dan analisis etnografi bagi mengisi kelompangan fakta tersebut. Keperluan penilaian semula sumber manuskrip tempatan menjadi satu tuntutan ilmiah yang mendesak bagi membebaskan

historiografi Sambas daripada kerangka naratif kolonial dan anakronisme. Penilaian semula ini memerlukan pendekatan filologi kritis yang meneliti aparatus kodikologi, kolofon, variasi teks, serta pengesahan epigrafi melalui teraan cap mohor rasmi diraja. Melalui pembacaan dekonstruktif terhadap teks seperti *Salasilah Sambas* dan *Syair Perang Cina di Monterado*, penyelidik dapat menilai semula fakta bahawa peralihan kuasa politik di Sambas berlangsung melalui asimilasi damai dan muafakat adat, bukannya penaklukan ganas semata-mata. Penilaian kritis ini bukan sahaja membetulkan kesimpang siuran fakta yang diwarisi daripada laporan kolonial, malah menempatkan semula manuskrip tempatan sebagai sumber autoritatif yang membuktikan kematangan sistem perundangan, diplomasi, dan ketatanegaraan Islam Kesultanan Sambas di pentas maritim Nusantara.

7.2 Manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II: Latar Penghasilan dan Kedudukan Sumber

Latar belakang Sultan Muhammad Shafiuddin II mencerminkan peranan dwi-fungsi seorang pemerintah tradisional Melayu yang bukan sahaja memegang tampuk kuasa eksekutif kerajaan, malah bertindak sebagai penaung utama tradisi keilmuan dan persuratan istana. Dikenali dalam catatan rasmi tempatan sebagai Kiai Seri Paduka Sultan Muhammad Safiuddin(dikenali juga Sultan Muhammad Shafiuddin II), baginda menerajui Kesultanan Sambas dalam tempoh peralihan yang genting (1866–1922 M) dengan menggabungkan dasar pemodenan institusi dan pemeliharaan maruah kerajaan(Anam et al., 2022; Kratz, 1980; Nurkholim, 2017). Dalam konteks pembangunan sosial, Arrai et al. (2026) dan Abdul Kadir (2022) menegaskan bahawa kepimpinan intelektual baginda terbukti melalui dasar pemodenan pendidikan Islam, khususnya pengasasan madrasah formal serta pembaharuan kurikulum yang mengintegrasikan ilmu naqli dan kemahiran semasa. Kesedaran intelek ini turut dizahirkan dalam pemeliharaan korpus sejarah, di mana baginda secara peribadi menyalin dan memeteraikan naskhah salasilah rasmi kesultanan bagi memastikan kelangsungan rekod genealogi diraja terpelihara daripada sebarang kekeliruan warisan takhta(Barkat, 1903). Konteks politik dan sosial penghasilan manuskrip ini berkait rapat dengan tekanan geopolitik serantau pada fasa peralihan abad ke-19 ke abad ke-20. Naskhah primer ini disalin pada malam Jumaat, 14 Ramadan 1321 Hijriah bersamaan 4 Disember 1903 Masihi, iaitu ketika pihak pentadbiran kolonial Hindia Timur Belanda semakin giat memperkukuh hegemoni birokrasi dan menyempitkan autonomi kuasa kesultanan-kesultanan Melayu di Kalimantan Barat(Barkat, 1903). Sebagaimana yang dihuraikan oleh Atika and Sunandar (2025), rentetan ekspedisi ketenteraan Belanda sejak pertengahan abad ke-19 telah menghakis kedaulatan fiskal dan maritim tempatan secara beransur-ansur. Dalam iklim politik sedemikian, penghasilan naskhah silsilah ini berfungsi sebagai instrumen perundangan politik (*political-legal charter*) untuk menegaskan keabsahan kedaulatan (*daulat*) Kesultanan Sambas yang merdeka dan berakar umbi secara sah, sekali gus membendung naratif kolonial yang sering merendahkan martabat institusi peribumi(Baihaqi et al., 2025; Ismanudin & Zaironi, 2026).

Identiti, kepengarangan dan latar tekstual manuskrip memaparkan autoriti teks yang luar biasa kerana teks ini merupakan manuskrip autograf diraja. Kolofon naskhah mencatatkan secara eksplisit bahawa teks ini ditulis sendiri (*khaththh*) oleh tangan Sultan Muhammad Shafiuddin II dan dimeterai dengan tanda tangan peribadi baginda (Barkat, 1903). Pengesahan epigrafi melalui tanda tangan ini bertindak sebagai bukti pengabsahan tertinggi ke atas keaslian dokumen (Gallop, 2019). Di samping itu, teks merakamkan bahawa penulisan silsilah ini asalnya digerakkan atas permohonan Dato Imam Ya'qub, seorang menteri dengan matlamat didaktik agar asal-usul kedaulatan dan jurai keturunan diraja diketahui dengan tepat oleh generasi terkemudian (Arrai et al., 2026; Barkat, 1903). Secara fizikal, manuskrip ini menggunakan aksara Jawi bertulis tangan dengan rubrikasi dakwat merah bagi menandakan permulaan fasal dan nama-nama sultan penting (Barkat, 1903). Struktur penulisan, bahasa dan kandungan manuskrip disusun secara berkaedah ke dalam sebelas fasal bertema yang menggunakan laras bahasa Melayu klasik ragam istana, disulami istilah Arab dan gelaran ketatanegaraan tempatan (Barkat, 1903). Naskhah ini membuka wacananya dengan mengaitkan legitimasi kesultanan kepada pusaka nobat Minangkabau dan Johor, pengislaman Brunei, serta penyambungan nasab suci Ahlulbait melalui Syarif Ali dari Taif (Barkat, 1903). Naratif seterusnya merakamkan perselisihan Raja Tengah di Brunei yang membawa kepada perkahwinan baginda dengan Ratu Surya Kesuma di Sukadana, penghijrahan Raden Sulaiman ke Sambas, serta asimilasi damai dengan istana Kota Lama melalui perkahwinan dengan Mas Ayu Bungsu (Barkat, 1903; Kamaruddin, 1853). Teks ini turut mencatatkan resolusi krisis politik akibat provokasi Pangeran Mangkurat, penyerahan mandat pertahanan (meriam lela) oleh Ratu Sepudak, serta upacara bai'ah sumpah setia pembesar tempatan (Petinggi Nagur, Bintilan, dan Segarundi) melalui ritual meminum air basuhan keris pusaka sebelum Raden Sulaiman ditabalkan sebagai Sultan Muhammad Safiuddin I di Lubuk Madung (Barkat, 1903).

Kedudukan manuskrip dalam tradisi intelektual dan pensejarahan Kesultanan Sambas menduduki hierarki tertinggi sebagai kanon rasmi istana (*official royal canon*). Manuskrip ini bukan sekadar merakamkan susur galur salasilah, malah merekonstruksi semula sejarah peralihan kuasa dari era pra-Islam di Kota Lama kepada Kesultanan Islam Sambas yang terbukti berlangsung secara muafakat diplomatik dan bukannya penaklukan bersenjata (Barkat, 1903). Malahan, triangulasi dengan kajian Sunandar (2015) dan Nuraidi et al. (2026) serta Baihaqi et al. (2025) termasuk manuskrip Kamaruddin (1853) memperlihatkan bahawa teks ini memposisikan Sambas sebagai simpul geopolitik maritim yang menghubungkan rangkaian kekeluargaan Brunei, Sukadana, Mempawah, dan pengaruh diaspora Bugis. Kehadiran teks

ini juga melengkapi kajian institusi keagamaan tempatan seperti peranan aparat desa Labai oleh Posha (2025), sekali gus membuktikan bahawa tradisi persuratan Sambas berfungsi sebagai wadah peradaban yang menyatukan doktrin syariat Islam, adat istiadat Melayu, dan kontrak sosial peribumi di pesisir barat Pulau Borneo.

8. Diskusi

8.1 Rekonstruksi kesejarahan Manuskrip Manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II

Manuskrip ini boleh diklasifikasikan dalam 6 tema utama iaitu:

8.1.1 Legitimasi Genealogi, Simbol Kedaulatan dan Pembentukan Identiti Islam

Salah satu aspek paling menonjol dalam manuskrip ialah pembinaan legitimasi pemerintahan melalui naratif genealogi dan pemilikan simbol kebesaran diraja. Naratif tersebut memperlihatkan bahawa kedaulatan sesebuah kerajaan tidak hanya bersandarkan kepada penguasaan wilayah atau kekuatan ketenteraan, tetapi turut dikaitkan dengan kesinambungan keturunan, pemilikan alat kebesaran dan pengiktirafan daripada kerajaan yang mempunyai kedudukan politik lebih awal. Manuskrip menjelaskan bahawa simbol kebesaran berupa nobat negara dan kancing kelambu mempunyai hubungan dengan kerajaan Johor, manakala asal-usul nobat tersebut dikaitkan pula dengan Minangkabau, khususnya Negeri Sangkitang atau Anak Alif. Keterangan ini memperlihatkan kewujudan naratif pemindahan simbol kedaulatan antara kerajaan Melayu. Dalam konteks historiografi, pemindahan alat kebesaran tersebut boleh ditafsirkan sebagai usaha menghubungkan institusi pemerintahan dengan tradisi politik yang lebih luas. Nobat dalam konteks ini bukan sekadar alat muzik istana, sebaliknya berfungsi sebagai lambang kewibawaan dan pengiktirafan terhadap kedudukan raja. Oleh itu, penyebutan asal-usul nobat daripada kerajaan lain mempunyai makna politik yang melampaui aspek materialnya. Ia memperlihatkan bagaimana simbol kebesaran digunakan untuk membina kesinambungan sejarah dan memperkukuh kedudukan sesebuah institusi pemerintahan(Barkat, 1903). Dalam manuskrip yang lain turut memberikan naratif yang sama tentang legitimasi kekuasaan dengan penyerahan kelengakapan seperangkat kebesaran(Basioeni, 1940; Kamaruddin, 1853).

Dimensi kedua yang penting ialah naratif pengislaman Brunei. Manuskrip menghubungkan kemunculan pemerintahan Islam dengan Paduka Seri Sultan Muhammad, yang digambarkan sebagai pemerintah yang membawa Islam dan menegakkan syariat Nabi Muhammad SAW. Naratif tersebut turut meletakkan peristiwa berkenaan dalam latar pengaruh Majapahit, sekali gus memperlihatkan perubahan daripada lingkungan politik kerajaan Hindu-Buddha kepada pembentukan kerajaan Melayu-Islam. Keterangan tentang Ong Sum Ping dan kisah kemala naga di Gunung Kinabalu turut memperlihatkan unsur legenda dalam tradisi pensejarahan Brunei. Walaupun unsur tersebut tidak boleh diterima secara langsung sebagai fakta sejarah tanpa pengesahan sumber lain, kehadirannya penting untuk memahami cara pengarang manuskrip menghubungkan asal-usul politik dengan tradisi lisan dan ingatan masyarakat. Seterusnya, legitimasi keagamaan diperkukuh melalui hubungan perkahwinan antara puteri Sultan Ahmad dengan Syarif Ali bin Hasan bin Abi Numai, yang dalam manuskrip dikaitkan dengan keturunan Rasulullah SAW dari Taif. Syarif Ali kemudiannya ditabalkan sebagai Sultan Berkat dan dikaitkan dengan kesinambungan jurai pemerintahan Brunei. Hubungan tersebut memperlihatkan pembinaan legitimasi yang menggabungkan dua unsur utama, iaitu keturunan diraja dan hubungan dengan Ahlulbait. Dalam tradisi politik Melayu-Islam, kedua-dua unsur ini mempunyai nilai simbolik yang besar kerana menghubungkan kewibawaan pemerintah dengan tradisi keagamaan Islam(Barkat, 1903). Kebanyakan manuskrip daripada Brunei meletakkan naratif yang sama tentang pengislaman Brunei. Meskipun terdapat pada manuskrip tersebut bercampur dengan naratif legenda, mitos, dan simbol sakral memainkan fungsi penting untuk membina legitimasi daulat (*sacred legitimacy*), bagi menyambung jurai keturunan suci, dan menghubungkan kesultanan dengan pusat-pusat tamadun agung di Alam Melayu tetapi naratif tersebut tidak merosak naratif Islam di wilayah kekuasaan Brunei dan jajahannya(Basioeni, 1940; Israel, Undated; Kamaruddin, 1853; Muhammad, Undated).

8.1.2 Penghijrahan, Perkahwinan Dinastik dan Pembentukan Perikatan Geopolitik

Naratif penghijrahan Raja Tengah memperlihatkan bahawa pembentukan Kesultanan Sambas berkait rapat dengan mobiliti kerabat diraja dan perubahan hubungan politik antara kerajaan Melayu di rantau Borneo. Menurut manuskrip, Raja Tengah meninggalkan Brunei berikutan perselisihan dengan kekandanya, Sultan Abdul Jalilul Jabbar. Baginda kemudiannya mengembara ke Melaka, Johor dan seterusnya ke Matan atau Sukadana. Pengembaraan tersebut tidak wajar ditafsirkan semata-mata sebagai perpindahan individu, sebaliknya perlu dilihat dalam konteks hubungan politik dan diplomatik antara kerajaan Melayu. Pergerakan kerabat diraja dari satu pusat pemerintahan ke pusat pemerintahan yang lain membuka ruang kepada pembentukan hubungan baharu melalui perlindungan politik, perkahwinan dan perkongsian kepentingan dinasti(Barkat, 1903). Naratif penghijrahan ini secara historiografi kebanyakan sepakat dalam naratif yang sama. Kebanyakan manuskrip dan penulisan terkini sepakat dalam hal tersebut. Cuma ada sedikit perbezaan dalam manuskrip Kamaruddin (1853) yang menyatakan bahawa Sultan Tengah tidak pernah ke Johor. Baginda daripada Brunei terus ke Kelaka (tanpa ke Sarawak) dan terus ke Sukadana Matan. Naratif ini agak bercanggah dengan pandangan manuskrip dan tulisan yang sepakat mengatakan adanya persinggahan ke Sarawak dan Johor. Ketibaan Raja Tengah di Sukadana disambut oleh Sultan Muhammad Safiuddin Sukadana, yang kemudiannya mengahwinkan baginda dengan

adindanya, Ratu Surya Kesuma. Perkahwinan ini melahirkan lima orang anak, iaitu Raden Sulaiman, Raden Badaruddin, Raden Abdul Wahab, Raden Rasmi dan Raden Ratnawati. Perkahwinan tersebut memperlihatkan pembentukan perikatan antara kerabat Brunei dengan keluarga pemerintah Sukadana. Dalam kerangka politik tradisional, hubungan perkahwinan diraja merupakan mekanisme untuk membentuk jaringan kekeluargaan, memperluas pengaruh dan mengukuhkan hubungan antara pusat pemerintahan. Kepentingan hubungan ini menjadi lebih jelas apabila Raden Sulaiman kemudiannya dibawa ke Sambas dan dikahwinkan dengan Mas Ayu Bungsu, puteri kepada Ratu Sepudak atau Ratu Kesuma Yuda, pemerintah tempatan di Kota Lama. Perkahwinan tersebut menghubungkan keturunan Raja Tengah dengan keluarga pemerintah tempatan Sambas(Barkat, 1903). Dari sudut analisis politik, perkahwinan Raden Sulaiman dengan Mas Ayu Bungsu boleh ditafsirkan sebagai mekanisme penyatuan dua kelompok elit, iaitu kerabat diraja yang mempunyai hubungan dengan Brunei dan Sukadana dengan keluarga pemerintah tempatan Sambas. Penyatuan ini menyediakan asas sosial dan politik bagi kemunculan sebuah institusi pemerintahan baharu. Hubungan dinastik tersebut diteruskan melalui generasi berikutnya. Raden Bima, putera Raden Sulaiman, dikaitkan dengan perkahwinan bersama Puteri Indera Kesuma, puteri Sultan Zainuddin dari Sukadana. Hubungan ini memperlihatkan kesinambungan jaringan kekeluargaan antara Sambas dengan Sukadana, sekali gus mengekalkan hubungan politik yang telah terbentuk sejak zaman Raja Tengah. Peristiwa-peristiwa tersebut memperlihatkan bahawa pembentukan Kesultanan Sambas tidak boleh difahami hanya melalui proses penguasaan wilayah. Sebaliknya, ia merupakan hasil interaksi antara penghijrahan, perkahwinan dinastik dan penyatuan kepentingan politik. Naratif manuskrip dengan jelas meletakkan hubungan kekeluargaan sebagai asas kepada pembentukan kuasa pemerintahan di Sambas(Barkat, 1903).

8.1.3 Konflik Kuasa Istana, Ujian Moral dan Etika Kesetiaan

Aspek konflik politik istana dalam manuskrip memperlihatkan satu dimensi penting dalam pembentukan naratif kepimpinan Raden Sulaiman. Konflik tersebut bermula apabila Raden Badaruddin, yang dikenali sebagai Pangeran Mangkurat, tiba di Sambas dan memperlihatkan rasa tidak puas hati terhadap kedudukan serta pengaruh Raden Sulaiman. Raden Sulaiman digambarkan sebagai seorang pemimpin yang disayangi rakyat dan mendapat sokongan para menteri kerana sifat kepimpinan serta keluhuran budinya. Keadaan tersebut menimbulkan kecemburuan Pangeran Mangkurat sehingga mencetuskan ketegangan politik dalam lingkungan istana. Manuskrip turut merekodkan tindakan Pangeran Mangkurat yang dikaitkan dengan pembunuhan Kyai Setia Bakti dan ancaman terhadap Kyai Dipasari. Peristiwa ini memperlihatkan bahawa konflik pemerintahan bukan sekadar persaingan mendapatkan kedudukan, tetapi turut melibatkan pertentangan nilai antara kesetiaan, keadilan dan kepentingan peribadi(Barkat, 1903). Salah satu aspek yang menarik ialah tindakan Raden Sulaiman yang enggan menggunakan kekuatan ketenteraan untuk menentang Ratu Sepudak, walaupun mempunyai sokongan daripada sebahagian pembesar dan rakyat. Baginda memilih untuk berundur daripada melakukan tindakan yang boleh ditafsirkan sebagai penderhakaan terhadap pemerintah tempatan. Sikap tersebut membentuk gambaran kepimpinan yang mengutamakan kestabilan politik dan mengelakkan pertumpahan darah. Dalam tradisi pemikiran politik Melayu, hubungan antara raja dengan rakyat bukan hanya berasaskan kekuasaan, tetapi turut melibatkan nilai keadilan, kesetiaan dan tanggungjawab moral(Barkat, 1903).

8.1.4 Pemindahan Pusat Pemerintahan dan Penyerahan Simbol Kedaulatan

Perubahan pusat pemerintahan merupakan antara aspek yang memperlihatkan proses pembentukan Kesultanan Sambas sebagai sebuah institusi politik yang semakin tersusun. Manuskrip merekodkan bahawa Ratu Sepudak mengambil keputusan untuk meninggalkan Kota Lama dan berundur bersama rakyatnya ke Selakau bagi mengelakkan pertumpahan darah akibat konflik dengan Pangeran Mangkurat. Pengunduran tersebut mempunyai kepentingan yang besar kerana ia memperlihatkan perubahan penguasaan politik terhadap pusat pemerintahan tempatan. Sebelum meninggalkan Kota Lama, Ratu Sepudak dikatakan menyerahkan beberapa kelengkapan pertahanan kepada Raden Sulaiman, termasuk sepasang meriam, lela dan ubat peluru(Barkat, 1903). Penyerahan tersebut boleh ditafsirkan sebagai suatu bentuk pemindahan kuasa secara simbolik. Meriam dan lela merupakan kelengkapan pertahanan yang mempunyai nilai strategik, manakala penyerahannya kepada Raden Sulaiman memperlihatkan peralihan tanggungjawab mempertahankan negeri. Dalam konteks ini, pemindahan alat pertahanan bukan sekadar tindakan menyerahkan kelengkapan ketenteraan, tetapi boleh dibaca sebagai tanda pengiktirafan terhadap kedudukan politik Raden Sulaiman. Walau bagaimanapun, istilah penyerahan mandat kedaulatan perlu digunakan secara berhati-hati kerana manuskrip perlu diteliti bagi memastikan sama ada penyerahan tersebut merupakan suatu pengisytiharan rasmi atau lebih bersifat simbolik. Perkembangan pusat pemerintahan Sambas turut direkodkan melalui empat lokasi utama, iaitu Kota Lama, Kota Bandir, Lubuk Madung dan Muara Wulakan atau Muara Ulakan(Barkat, 1903).

8.1.5 Pembentukan Institusi Kesultanan Islam, Pengurniaan Nobat dan Pengiktirafan Takhta

Pembentukan institusi Kesultanan Sambas merupakan kemuncak kepada proses perubahan politik yang bermula melalui hubungan genealogi, penghijrahan dan penyatuan keluarga pemerintah. Manuskrip merekodkan bahawa Raden Sulaiman ditabalkan oleh para menteri dan rakyat di Lubuk Madung dengan gelaran Sultan Muhammad Safiuddin. Peristiwa ini menandakan perubahan daripada kedudukan Raden Sulaiman sebagai putera kerabat diraja Brunei kepada seorang pemerintah yang mempunyai institusi kesultanan tersendiri di Sambas. Penabalan tersebut memperlihatkan bahawa pembentukan pemerintahan Islam di Sambas mempunyai asas penerimaan daripada kelompok pembesar dan rakyat. Dalam konteks ini, legitimasi pemerintahan tidak hanya diperoleh melalui keturunan Raja Tengah, tetapi turut disokong

oleh pengiktirafan politik daripada masyarakat setempat. Manuskrip turut menggambarkan Sultan Muhammad Safiuddin sebagai pemerintah yang adil dan mengambil langkah membentuk struktur pentadbiran dengan melantik Raden Abdul Wahab sebagai Bendahara. Pelantikan tersebut menunjukkan bahawa institusi kesultanan yang baharu memerlukan pembentukan hierarki pentadbiran bagi menguruskan urusan pemerintahan(Barkat, 1903). Maklumat mengenai tempoh pemerintahan, usia dan tarikh kemangkatan baginda turut menjadi unsur penting dalam pembinaan kronologi sejarah. Manuskrip mencatatkan bahawa Sultan Muhammad Safiuddin mangkat pada 10 Muharam 1080 Hijrah ketika berusia 71 tahun 10 bulan. Maklumat ini perlu dibandingkan dengan sumber lain bagi memastikan ketepatan kronologi pemerintahan, khususnya berkaitan tahun kelahiran, tempoh pemerintahan dan tarikh kemangkatan. Aspek yang lebih signifikan ialah pengiktirafan terhadap Raden Bima oleh pemerintah Brunei. Menurut manuskrip, Raden Bima menghadap Yang Dipertuan Brunei, Sultan Muhyiddin, bagi mendapatkan pengiktirafan terhadap kedudukannya. Hubungan kekeluargaan Raden Bima dengan keturunan Raja Tengah menjadi asas kepada pengiktirafan tersebut. Dalam peristiwa berkenaan, Raden Bima ditabalkan dengan gelaran Sultan Muhammad Tajuddin dan dikurniakan seperangkat alat kebesaran diraja, genta serta nobat Brunei sebelum kembali ke Sambas untuk memegang takhta. Peristiwa tersebut memperlihatkan dua dimensi legitimasi pemerintahan. Pertama, legitimasi berdasarkan keturunan yang menghubungkan Raden Bima dengan keluarga diraja Brunei. Kedua, legitimasi berdasarkan pengiktirafan politik yang diperlihatkan melalui penabalan dan pengurniaan alat kebesaran oleh pemerintah Brunei(Barkat, 1903).

8.1.6 Jaringan Kekerabatan Dinastik Serantau: Mempawah, Landak dan Sukadana

Bahagian akhir manuskrip, khususnya Fasal Kesebelas, memperlihatkan kesinambungan hubungan kekeluargaan antara keturunan Kesultanan Sambas dengan keluarga pemerintah kerajaan-kerajaan Melayu yang lain di Kalimantan Barat. Catatan tersebut memberikan gambaran bahawa hubungan dinasti Sambas tidak terhad kepada Brunei dan Sukadana, tetapi turut berkembang melalui ikatan perkahwinan dengan kerabat diraja Mempawah dan Landak. Manuskrip memperincikan susur galur keturunan Raden Sulaiman, Pangeran Bendahara dan Pangeran Mangku, termasuk hubungan perkahwinan dengan keturunan Pangeran Panembahan Mempawah, Pangeran Dipati Landak dan Panembahan Landak. Hubungan tersebut memperlihatkan kewujudan jaringan kekerabatan yang menghubungkan beberapa pusat pemerintahan Melayu di wilayah Kalimantan Barat(Barkat, 1903). Dari sudut sejarah politik, perkahwinan antara keluarga pemerintah merupakan mekanisme yang berperanan memperkukuh hubungan diplomatik, membina persefahaman antara kerajaan dan mengekalkan pengaruh keluarga diraja. Hubungan kekeluargaan juga membolehkan pemerintah membina jaringan sokongan yang melangkaui sempadan wilayah pemerintahan masing-masing.Dalam konteks Sambas, jaringan dinasti tersebut memperlihatkan bahawa institusi kesultanan berkembang dalam suatu lingkungan politik yang bersifat saling berkaitan. Hubungan dengan Mempawah dan Landak bukan sahaja memperlihatkan pertalian keturunan, tetapi turut menggambarkan pembentukan kelompok elit yang mempunyai hubungan sosial dan politik melalui perkahwinan. Jaringan tersebut juga memberikan gambaran tentang struktur masyarakat politik Melayu di Kalimantan Barat yang berasaskan hubungan antara keluarga pemerintah, pembesar dan kelompok bangsawan. Kedudukan seseorang dalam jaringan kekeluargaan boleh mempunyai implikasi terhadap kedudukan sosial, pengaruh politik dan hubungan antara pusat pemerintahan(Barkat, 1903).

8.2 **Sumbangan terhadap Rekonstruksi Historiografi Kesultanan Sambas**

Sumbangan utama manuskrip terhadap historiografi Kesultanan Sambas dapat dikenal pasti melalui keupayaannya menghubungkan sejarah pembentukan kerajaan dengan perkembangan jaringan politik Melayu-Islam di Borneo. Ada empat sumbangan historiografi yang boleh diangkat sebagai fakta yang kukuh melaui manuskrip ini iaitu:

8.2.1 Manuskrip ini memberikan gambaran tentang kesinambungan genealogi antara Brunei dengan Sambas melalui Raja Tengah dan Raden Sulaiman. Hubungan ini penting untuk memahami asas pembentukan dinasti Sambas dan kedudukan keturunan Brunei dalam sejarah politik Kalimantan Barat. Perbincangan ini secara komprehensif dibincangkan di atas yang memberikan bahawa naratif ini adalah kukuh yang tidak boleh disanggah dengan pandangan kontemporari;

8.2.2 Manuskrip ini memperlihatkan proses transformasi pemerintahan daripada struktur kekuasaan tempatan kepada institusi kesultanan Islam. Proses tersebut melibatkan perkahwinan dinastik, perubahan pusat pemerintahan, penabalan Sultan Muhammad Safiuddin dan pengiktirafan terhadap Sultan Muhammad Tajuddin. Perubahan ini memang cukup ketara apabila Raden Sulaiman menjadi Sultan pertama bagi kerajaaan Sambas;

8.2.3 Manuskrip ini turut memperluas pemahaman tentang hubungan politik serantau melalui catatan perkahwinan silang antara keluarga diraja. Hubungan dengan Sukadana, Mempawah dan Landak memperlihatkan bahawa pembentukan kuasa politik di Sambas mempunyai dimensi serantau yang lebih luas. Naratif ini memang sudah menjadi tradisi penguasa di wilayah Nusantara dari dahulu sehingga sekarang ini; dan

8.2.4 Manuskrip turut menyediakan maklumat mengenai pemikiran politik dan nilai kepimpinan dalam tradisi pemerintahan Melayu. Naratif Raden Sulaiman yang mengutamakan kesetiaan, keadilan dan penghindaran konflik memperlihatkan dimensi moral dalam pembinaan imej pemerintah. Hal dasar ini tunggak penting terpilihnya baginda menjadi Sultan pertama dan pengasas kepada Kerajaan Islam Sambas yang diakhir mendapat perkenan oleh kuasa Brunei.

9. Kesimpulan dan Cadangan Kajian Lanjutan

9.1 Kesimpulan

9.1.1 Kajian ini mendapati bahawa manuskrip Salasilah Sambas yang disalin oleh Sultan Muhammad Shafiuddin II pada tahun 1903 Masihi (1321 Hijriah) merupakan kanun rasmi istana yang memiliki autoriti sejarah dan perundangan yang tinggi. Teks yang tersusun dalam sebelas fasal ini merakamkan rantaian kedaulatan yang lengkap dengan dimulai daripada pusaka nobat Minangkabau-Johor, nasab Ahlul bait di Brunei, penghijrahan Raja Tengah ke Sukadana, peralihan kuasa pra-Islam di Kota Lama, hingga pemasyhuran kesultanan Islam di Lubuk Madung dan Muara Wulakan. Terdapat tandatangan peribadi sultan dan ketepatan tarikh Hijriah membuktikan bahawa naskhah ini digubal sebagai piagam rasmi untuk mengesahkan legitimasi dinasti pemerintah;

9.1,2 kajian ini menzahirkan empat rekonstruksi sejarah yang penting dalam kesultanan Sambas iaitu geneologi Sambas dan Brunei, transformasi kuasa tempatan kepada kesultanan Melayu Islam, hubungan politik serantau melalui catatan perkahwinan silang antara keluarga diraja dan pemikiran politik dan nilai kepimpinan dalam tradisi pemerintahan Melayu yang meletakan kesetiaan dan keadilan.

9.2 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian seterusnya disarankan melakukan perbandingan teks kritis secara silang antara naskhah 1903 Masihi dengan manuskrip silsilah versi lain (seperti versi 1853 Masihi, iaitu Tarsilah Brunei dan dan *Tuhfat al-Nafis*). Di samping itu, pendekatan antara disiplin yang menggabungkan filologi dengan bukti arkeologi di tapak perpindahan pusat pemerintahan (Kota Lama, Lubuk Madung, dan Muara Wulakan), serta penyelidikan terhadap institusi keagamaan desa seperti Labai, wajar dijalankan bagi menghasilkan naratif sejarah yang lebih menyeluruh antara pihak istana dan masyarakat luar bandar.

References

Abbas, A. (Undated). *Tarsilah Raja-Raja Di Dalam Brunei*. [Duplicate]. Manuskrip Ampuan Abbas, Tarsilah Raja-Raja Di Dalam Brunei, (PS/PnB/BR/0000682,PS/A/BR/88/1995). Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.

Abdul Kadir, A. R., Nurul Azhar, Ahmad, Siti Asmah, Khalid. (2022). MEMBONGKAR HUBUNGAN KEKELUARGAAN DAN POLITIK SILAM KERAJAAN SAMBAS DAN BRUNEI: KAJIAN KUALITATIF BERASASKAN MANUSKRIP. *Journal of Islamic, 7*(45), 258-272.

Agustian, T., Wibowo, B., & Utama, E. J. P. (2021). Penguatan Pemahaman Teknik Penelitian Sejarah menggunakan Media Film pada Mata Kuliah Pengantar Ilmu Sejarah. *Sosial Horizon: Jurnal Pendidikan Sosial, 8*(1), 66-72.

Alezender, H. (2026). Jihad Qital Kerajaan Islam Kalimantan Barat dalam Perang Monterado: Suatu Penelitian ke atas Naskhah Syair Perang Cina di Monterado: Jihad Qital Of West Kalimantan Islam's Government in Monterado War: An Analysis on Syair Perang Cina Di Monterado. *Global Journal Al-Thaqafah, 16*(1), 176-191.

Ali, I. (2026). Memandang Semula Laut dan Lautan ke Arah Menjadikan Malaysia sebuah Negara Maritim: Satu Penilaian Semula Sejarah Kelautan dan Doktrin BRI (Belt and Road Initiative). *SUSURGALUR, 14*(2), 73-120.

Alit, D. M. (2026). *Metodologi Historiografi Sejarah Terapan*: PT Bukuloka Literasi Bangsa.

Anam, M., Tanrere, S. B., & Nawawi, M. A. (2022). Pendidikan Karakter Siswa Perspektif Syekh Ahmad Khatib Sambas. *Andragogi: Jurnal Pendidikan Islam dan Manajemen Pendidikan Islam, 4*(03), 415-439.

Ardhana, I. K., & Puspitasari, N. W. R. N. (2024). Metodologi dan Historiografi Indonesia: Tantangan Indonesiasentrisme dalam Era Global. *Jurnal Sejarah Indonesia, 7*(1), 1-9.

Arrai, G., Karel, J., & Teguh, A. (2026). Kebijakan Sultan Muhammad Tsafiuddin II Terhadap Perkembangan Pendidikan Islam di Sambas (1866-1922). *https://digilib. upgripnk. ac. id/*.

Atika, A., & Sunandar, S. (2025). EKSPEDISI KOLONIAL BELANDA TAHUN 1851-1856. *Jurnal SAMBAS (Studi Agama, Masyarakat, Budaya, Adat, Sejarah): Journal of Religious, Community, Culture, Costume, History Studies), 8*(1), 38-49.

Bagaskara, F. S. (2024). Peran Historiografi Tradisional Islam dalam Merekonstruksi Sejarah Islam Di Indonesia. *Estoria: Journal of Social Science and Humanities, 4*(2), 639-652.

Baihaqi, A. F., Bryna, B. R. S., Ramadhan, F. S., & Panditra, A. M. (2025). Sengketa Maritim Di Kalimantan Barat: Dinamika Kesultanan, Kekuatan Eropa, Dan Aliansi Bajak Laut Tahun 1811-1850. *PURBAWIDYA, 14*(2), 363-379.

Barkat, M. T. A. (1903, 4 Disember 1903). *Silsilah Raja Sambas*. Silsilah Sultan Muhammad Syafiuddin II. Istana Sambas.

Basioeni, M. (1940). *Inilah asal moela2 Yang Djadi Orang Besar dinegeri Beroanai*. [Duplicate]. Sejarah Asal Usul Kerajaan Brunei-Awang Alak Betatar, (PS/A/BR/8/99 PS/PnB/BR/0000897). Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.

Diponogoro, P. A., Hanifatul. (2017). SEJARAH DAN KARAKTERISTIK MANUSKRIP MUSHAF AL-QUR'AN.

Erwin, E. (2018). *Kontribusi Maharaja Imam H. Muhammad Basiuni Imran dalam pendidikan Islam di Kerajaan Sambas, Kalimantan Barat (1915-1950).* UIN Sunan Gunung Djati Bandung,

Erwin, E. (2026). INVENTARISASI MANUSKRIP MELAYU DI KABUPATEN SAMBAS.

Fahmi, M. N. (2022). Metode Kritik Sejarah dan Double Movement sebagai Alternatif Pembelajaran Sejarah Kebudayaan Islam. *Panangkaran: Jurnal Penelitian Agama Dan Masyarakat, 5*(2), 275-290.

Fahmi, M. N. (2025). Kesinambungan dan Diskontinuitas dalam Kajian Pernaskahan Islam Nusantara: Analisis Bibliometrik dan Jaringan Sitasi Penelitian Naskah Kitab al-Samarqandī (1881–2023). *Manuskripta, 15*(2), 233-267.

Fauzan, R. (2020). *Penulisan Sejarah Lokal Indonesia (Wacana Magis-Religio Hingga Pendekatan Multidimensional).* Paper presented at the Prosiding Seminar Nasional Pendidikan FKIP.

Gallop, A. T. (2019). Silsilah Raja-Raja Brunei: The Manuscript of Pengiran Kesuma Muhammad Hasyim. *Archipel. Études interdisciplinaires sur le monde insulindien*(97), 173-212.

Gusmian, I. (2019). Manuskrip keagamaan di Masjid Poponga: Kajian kodikologi dan pemetaan isi. *DINIKA: Academic Journal of Islamic Studies, 4*(2), 249-274.

Hamzah, S., & Nisa, A. K. (2023). Metode Sejarah Dalam Perspektif Ibnu Khaldun (Telaah Kitab Mukaddimah). *CARITA: Jurnal Sejarah Dan Budaya, 2*(1), 33-43.

Iskandar, I., & Hasan, M. R. (2023). Jejak Habaib dalam Manuskrip Borneo (Melacak Peran Ulama dalam Penanaman Nilai Pendidikan Multikultural). *EDUKASIA Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran, 4*(2), 2597-2604.

Ismanudin, A. M., & Zaironi, K. M. M. (2026). Kodeks Dan Manuskrip Primer Nusantara: Analisis Kodikologi Dan Tekstologi Dalam Jejak Sejarah Intelektual Islam.

Israel, P. J. I. A. P. (Undated). *Salasilah Raja-Raja Brunei*. [DUPLICATE]. Salasilah Raja-Raja Brunei, (PS/PnB/BR/0000680, PS/A/BR/86/1995, 0000680). Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Bengawan.

Istiqomah, I., Fitriani, I. S., Pangestu, I. T., Milinia, L., Pratama, R. A., & Imron, A. (2022). Urgensi Arsip Digital Sebagai Bahan Rujukan Penelitian Sejarah di Era Pandemi Covid-19. *KRAKATOA, 1*(1), 5-10.

Jaelani, J. (2014). SULTAN MUHAMMAD SYAFIUDDIN II: Pemimpin Kharismatik dari Ujung Utara Borneo Barat. *Khatulistiwa, 4*(2).

Kadir, A. R. A., Bujang, S., & Yusof, N. (2025). *P010 Kritik Teks terhadap Manuskrip "Silsilah Acal Segala Radja-Radja Sambas": Kajian Pengembaraan Sultan Tengah ke Sambas.* Paper presented at the Proceedings Borneo Islamic International Conference eISSN 2948-5045.

Kamaruddin, K. (1853, 21 Mac 2853). *Silsilah Acal Segala Radja-Radja Sambas*. [old paper]. Silsilah Acal Segala Radja-Radja Sambas, (156/667). Sambas.

Kratz, E. U. (1980). Silsilah Raja-Raja Sambas as a source of history. *Archipel, 20*(1), 255-267.

Kratz, E. U. (2000). Yang tersurat dan yang tersirat. Historicity and historical truth. *Archipel, 60*(4), 25-44.

M. Dien Madjid, J. W. (2014). *Ilmu Sejarah: Sebuah pengantar*. Jakarta: Prenada Media Group.

Muhammad, P. D. M. S. I. P. A. H. (Undated). *Salsilah Raja-Raja Berunai*. [Duplicate]. Salsilah Raja-Raja Berunai Versi Pengiran DiGadong Mohd. Salleh Ibn Pengiran Anak Haji Muhammad, (PS/A/BR/87/95 PnB/BR/0000681, 0000681). Pusat Sejarah Brunei, Bandar Sei Bengawan.

MUID, A., & Thoriq, M. (2025). Model Penelitian Sejarah Islam. *Jurnal Ilmu Pengetahuan Dan Pendidikan Islam, 16*(16), 61-72.

Nuraidi, N., Firmansyah, A., & Rikaz, P. M. (2026). THE DYNAMICS OF THE SAMBAS SULTANATE DURING THE REIGN OF SULTAN MUHAMMAD ALI TSAFIUDDIN (1815–1828): DINAMIKA KESULTANAN SAMBAS PADA MASA SULTAN MUHAMMAD ALI TSAFIUDDIN (1815–1828). *Santhet (Jurnal Sejarah Pendidikan Dan Humaniora), 10*(4), 1467-1476.

Nurkholim, W. (2017). *Syaikh Ahmad Khatib Sambas Pendiri Tarekat Qadiriyah wa Naqsyabandiyah (1803-1875 M).* UIN Sunan Ampel Surabaya,

Parwanto, W. (2022). Muhammad Basiuni Imran: Tokoh Legendaris Islam, Sambas, Kalimantan Barat Abad 20 M. *Al-Fanar: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir, 5*(1), 57-70.

Posha, B. Y. (2025). Peran dan Struktur Labai dalam Sosial Keagamaan di Kesultanan Sambas Kalimantan Barat 1913-1943 M. *Batuthah: Jurnal Sejarah Padaban Islam, 4*(1), 102-119.

Primer, A. S. (2024). 1.2. Sumber-Sumber Sejarah. *PENGANTAR*, 3.

Putri, A. A., Nurjihan, F., Tarigan, R. C. B. B., & Febriana, I. (2024). Pengembangan teks laporan penelitian dalam penyusunan historiografi sejarah. *KOHESI: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, 5*(1), 15-28.

Ridwan, Y., & Ikhwan, A. (2021). *Education of Religious Characters in Indonesia.* Paper presented at the 2nd Annual Conference on blended learning, educational technology and Innovation (ACBLETI 2020).

Riza, U., & Fauziyah, N. (2025). Kritik ideologis narasi sejarah orde baru: Analisis wacana kritis Norman Fairclough pada buku teks IPS kelas IX. *Jurnal PIPSI: Jurnal Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial Indonesia, 10*(2), 154-170.

Sa'adillah, A. E., & Syauqi, F. (2023). Historiografi Islam Klasik: Metodologi, Sejarawan Dan Karyanya. *Kodifikasia, 17*(2), 324-342.

Saludin, M. N., Md Deli, S., Abdul Ghafar, N. A., & Hashim, A. R. (2025). Jalan Penarikan Jempol, Negeri Sembilan Dalam Perspektif Sejarah, Fungsinya Di Masa Lalu dan Nilai Warisan Dunia. *DMDI Journal Of Malay & Islamic Civilization*, *1*(1), 64-82.

Sambas. (1995). *Sekapur sirih Keraton Alwatzikhoebillah, Sambas*: Pemerintah tsb.

Sambas. (Undated). *Salasilah Raja-Raja Brunei dan Sambas*. [Duplicate]. Manuskrip Sambas Salasilah Raja-Raja Brunei dan Sambas, (PS/PnB/BR/0000683 PS/A/BR/89/95, 0000683). Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.

Santoso, Y. (2024). Mehamami Sejarah Definisi, Jenis, Periodesasi, Kronologi, dan Fungsi.

Sayono, J. (2021). LANGKAH-LANGKAH HEURISTIK DALAM METODE SEJARAH DI ERA DIGITAL. *Sejarah dan Budaya: Jurnal Sejarah, Budaya, dan Pengajarannya*, *15*(2), 369-376.

Sidik, H., & Sulistyana, I. P. (2021). Hermeneutika Sebuah Metode Interpretasi Dalam Kajian Filsafat Sejarah. *JURNAL AGASTYA*, *VOL 11*(NO 1).

Siregar, H. (2013). Dynamics Of Local Islam: Fatwa of Muhammad Basiuni Imran, the Grand Imam of Sambas, on the Friday Prayer Attended by Fewer than Forty Peo-ple. *AL ALBAB-Borneo Journal of Religious Studies (BJRS)*, *2*(2), 187-202.

Sunandar, S. (2015). MELACAK HUBUNGAN KESULTANAN SAMBAS DAN BUGIS (Studi Awal terhadap Naskah Tuhfat al-Nafis). *Khatulistiwa*, *5*(2).

Syahrani, A., & Mansur, A. (2014). *Warkah-Warkah Sultan Pontianak: Perbincangan Koleksi Dan Kontroversi Kandungan*.

Tajuddin, S. M. S. I. b. S. A. (1905, 2016). *Hubungan Kesultanan Brunei Dengan Sambas*. [Salinan Atas Salinan Kesultanan Sambas]. Kesultanan Sambas. Pusat Sejarah Brunei, Istana Sambas.

Veth, P. J. (1854). *Borneo's Wester-Afdeeling: Geographisch, statistisch, historisch, voorafgegaan door eene algemeene schets des ganschen eilands* (Vol. 1). Zaltbommel, Holand: J. Noman en Zoon.

Wasino, M., & Endah Sri, H. (2018). Metode penelitian sejarah: dari riset hingga penulisan.

Yazit, A. (2026). Naratif Baharu: Revisionisme dan Sejarah Melayu. *MINDEN Journal of History and Archaeology*, *3*(1), 55-84.

Yusriadi, Y. (2015). IDENTITAS ORANG MELAYU DI HULU SUNGAI SAMBAS. *Khatulistiwa*, *5*(1).

Yusuf, N., Bujang, S., Abdul Kadir, A. R., Hamrie, F., & Wan Yon, W. A. (2023). *Perundangan islam di Sarawak sebelum kedatangan penjajah barat: satu tinjauan awal*. Paper presented at the Proceedings Borneo International Islamic Conference.